

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 2  
 RUANGAN : NEGERI

# PKP fasa pertama kejayaan awal

Tiada peningkatan kes mendadak dilaporkan sepanjang lapan hari terakhir

**Putrajaya:** Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama menunjukkan tanda kejayaan awal selepas tiada peningkatan kes COVID-19 secara mendadak dilaporkan sepanjang lapan hari terakhir bermula 24 Mac lalu.

Kementerian Kesihatan semalam membuat perbandingan di antara graf unjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang menjangka peningkatan mendadak antara 24 Mac hingga 31 Mac, tarikh akhir PKP fasa pertama.

Berdasarkan graf unjuran MIER itu, jumlah kes COVID-19 diunjur naik mendadak pada 24 Mac iaitu 236 kes kepada 399 kes pada 31 Mac.

Bagaimanapun, hasil tindakan aktif pengesanan oleh kementerian dalam tempoh PKP fasa satu

itu, jumlah sebenar kes harian direkodkan pada 24 Mac ialah 106 dan mencatatkan pergerakan landai sehingga 31 Mac lalu, iaitu sebanyak 140 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kes yang direkodkan Kementerian tidak naik secara mendadak, tetapi semakin mendatar.

"Kes kita tidak naik secara mendadak, tetapi ada sedikit mendatar. Berdasarkan kepada graf ini (perbandingan antara unjuran MIER dan kes sebenar direkodkan Kementerian), ada kejayaan atau tanda awal kita berjaya dalam tindakan kita melaksanakan PKP."

"Justeru, kita berharap dalam (PKP) fasa kedua ini, kita dapat mempertingkatkan strategi dan aktiviti, terutama di 'hot spot' yang sudah dikenal pasti."

"Sebaik sahaja KKM mengenal pasti, contohnya, ada 40 kes di satu kawasan dalam sehari, kita akan tumpuan kawasan itu dan berkemungkinan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya pada sidang media harian COVID-19 di Kementerian Kesihatan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kementerian kini memberi tumpuan kepada kawasan atau daerah

'hot spot' penularan wabak.

PKP fasa kedua mula dikuatkuasa semalam hingga 14 April ini dengan beberapa kawasan sudah diisytiharkan sebagai lokasi PKPD.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, melalui PKPD, semua penduduk yang berada dalam kawasan yang dikenakan sekatan akan disaring, diuji, dikenal pasti dan diasingkan untuk memberi rawatan kepada mereka.

Beliau berkata, pendekatan bersepadu yang dibuat sepanjang PKPD itu juga membolehkan KKM mengenal pasti 111 kes positif di Kluang, Johor manakala sehingga jam 9 malam kelmarin, 277 kes positif COVID-19 dikesan di Sungai Lui di Hulu Langat dan diasingkan untuk dirawat.

Ditanya sama ada kementerian akan mengesyorkan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya membenarkan rakyat pulang ke kampung menyambut Aidilfitri, Mei ini berdasarkan perkembangan itu, Dr Noor Hisham berkata, masih terlalu awal untuk menjangkakan sama ada COVID-19 boleh dikawal sebaik mungkin atau sebaliknya.

Justeru, beliau berkata, tempoh dua minggu ini penting untuk melihat perkembangan penularan seterusnya.

Namun, katanya, apa yang penting ialah semua pihak perlu mengubah gaya hidup dan amalan dalam usaha membanteras penularan wabak ini, kerana sememangnya ramai yang terkesan dengan COVID-19.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya mengalu-alukan kerjasama semua pihak, termasuk dalam perkongsian data klinikal, seperti yang dicadangkan bekas Menteri Kesihatan yang juga Pengerusi Pasukan Tugas COVID-19 Selangor, Datuk Seri Dr Zulkifly Ahmad.

Beliau berkata, buat kali pertama dalam sejarah, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1968 diguna pakai

dan semua pihak dapat duduk bersama memerangi COVID-19.

"Kami bersedia untuk berkongsi data, tetapi perlu melihat apa yang boleh dikongsikan kerana data yang bersifat awam tiada masalah, sebaliknya maklumat peribadi seperti sejarah jangkitan ada beberapa isu."

"Ketika ini, Kementerian (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi sedang bekerja keras menyalurkan maklumat penting kepada Jawatankuasa Pusat supaya satu perisian dikeluarkan."

"Ia membantu kita dalam mengambil tindakan di kawasan 'hot spot'," katanya.

Mengulas mengenai sama ada perlu bazar Ramadan diadakan tahun ini, beliau berkata, kementerian mengalu-alukan idea dan inovasi daripada orang ramai untuk dipertimbangkan.

"Masa inilah kita menggunakan idea yang inovatif, sebagai contoh e-bazar Ramadan, online bazar Ramadan atau bazar Ramadan pandu lalu. Kita alu-alukan idea baharu kerana hendak mengelakkan perhimpunan orang ramai," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, ketika ini ada 2,359 sukarelawan bersama menepani COVID-19.

Katanya, mereka terdiri daripada 65 pakar perubatan pelbagai bidang, 159 pegawai perubatan, 909 jururawat, 220 juruteknologi makmal perubatan dan 704 penolong pegawai perubatan.

Selain itu, 106 juru X-ray, 66 ahli fisioterapi, 70 pegawai sains (mikrobiologi), tujuh pegawai farmasi, 44 penolong pegawai farmasi, 11 pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dua pegawai psikologi dan enam kaunselor.

Kementerian katanya, sangat mengalu-alukan lebih ramai sukarelawan, dan mereka yang ingin berkhidmat menyertai pasukan bantuan kesihatan dan perubatan COVID-19 boleh mengisi Borang Pendaftaran Anggota Sukarelawan Pasukan Bantuan Kesihatan Dan Perubatan COVID-19.

Kepada mereka yang ingin berbakti di fasiliti kesihatan awam seperti di klinik kesihatan, pejabat kesihatan daerah, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan sebagainya, boleh mengisi borang pada pautan [https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdnO5pPnHN-CFlQ9QnaNk224Jl0nZBcvNh4w-KasLFPxrbAsMKQ/viewform?usp=pp\\_url](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdnO5pPnHN-CFlQ9QnaNk224Jl0nZBcvNh4w-KasLFPxrbAsMKQ/viewform?usp=pp_url)


**Kita berharap dalam (PKP) fasa kedua ini, kita dapat pertingkatkan strategi dan aktiviti, terutama di 'hot spot' yang sudah dikenal pasti.**

**Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan**

## PERKEMBANGAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Perbandingan antara jangkaan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dan jumlah kes sebenar bagi tempoh tujuh hari (24/3/2020 - 30/3/2020)

Laporan bilangan harian kes COVID-19 dan pengesanan perkembangan pandemik di Malaysia sehingga 31 Mac 2020





AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEGERI

Penularan COVID-19



Pekerja Alam Flora melakukan semburan nyah cemar sekitar kawasan Pasar Pudu bagi mengekang penularan wabak COVID-19. (Foto Aizuddin Saad/BH)

# 108 individu pulih dibenar pulang

142 kes positif baharu dilaporkan, jumlah kumulatif korban 45 orang

**Putrajaya:** Sebanyak 108 individu yang sebelum ini positif COVID-19, kini sudah sembuh dan dibenarkan pulang semula, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 645.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dalam pada itu sebanyak 142 kes positif baharu turut dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC).

"Sehingga jam 12 tengah hari 1 April 2020, terdapat 142 kes baharu yang dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 2,908 kes.

"Sehingga kini, seramai 102 kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah berkenaan, 66 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat dua kes kematian berkaitan COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 45 kes atau 1.55 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-44 (kes ke-193) ialah seorang perempu warganegara Malaysia berusia

80 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung.

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (kes ke-115) dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 13 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac, jam 4.30 pagi.

"Kes kematian ke-45 (kes ke-1,053) ialah seorang lelaki Malaysia berusia 62 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (kes ke-486) dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 17 Mac 2020 dan meninggal dunia pada 31 Mac 2020 jam 10.46 malam," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya berterima kasih dengan keprihatinan sesetengah pihak berkongsi maklumat berkaitan pemakanan

sihat bagi melawan virus SARS-CoV-2 dan jangkitan COVID-19.

Bagaimanapun, beliau berkata, kementerian mendapati terlalu banyak dakwaan dan testimoni yang menyatakan pengambilan sesuatu jenis makanan, suplemen atau amalan perubatan tertentu yang berkemampuan menyembuhkan jangkitan COVID-19. Katanya, setakat hari ini, belum ada sebarang kajian saintifik yang dapat membuktikan mana-mana jenis makanan atau perubatan tradisional yang boleh menghalang jangkitan virus ini.

"Bagi memastikan tubuh mampu melawan penyakit dengan baik, pastikan setiap hidangan makanan yang diambil adalah sihat, seimbang dan pelbagai.

"Tiga amalan pemakanan sihat yang perlu diberi perhatian adalah memastikan pengambilan sayur-sayuran sebanyak tiga hidangan setiap hari, pengambilan dua hidangan buah-buahan segar setiap hari dan minum air kosong lapan gelas atau dua liter sehari.

"Selain itu, pastikan setiap hidangan makanan yang diambil mengandungi sumber karbohidrat seperti nasi, roti, mi dan sumber protein seperti ayam, ikan, daging dan kekacang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya berharap semua pihak bersama-sama mengamalkan pemakanan yang sihat itu selain mengambil langkah kesihatan lain seperti kerap cuci tangan dengan sabun dan mengamalkan penjarakan sosial.

**Setakat hari ini, belum ada kajian saintifik dapat membuktikan mana-mana jenis makanan atau perubatan tradisional yang boleh menghalang jangkitan virus ini.**

**Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan**

# Ingkar PKP punca generasi muda dijangkiti virus

**Kuala Lumpur:** Pakar perunding penyakit berjangkit tidak menolak kemungkinan antara punca kes positif COVID-19 bagi kumpulan usia antara 26 hingga 30 tahun tinggi kerana gagal mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Datuk Dr Christopher Lee, berkata bagaimanapun pandangan itu mungkin boleh dikaji jika data penanganan mereka ingkar PKP oleh polis dibentangkan kepada pasukan perubatan.

Sehingga ini, beliau tidak mempunyai data lengkap mengaitkan kedua-dua kumpulan umur itu dengan jumlah kes positif COVID-19.

"Kumpulan ini (berusia antara 26 hingga 30 tahun) juga mudah dijangkiti virus ini, sama seperti kumpulan usia lain. Bagaimanapun, mereka sepatutnya tidak bermasalah dari segi imuniti.

"Berkemungkinan juga mereka dijangkiti ekoran aktiviti atau tingkah laku masing-masing," katanya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kematian COVID-19 Kebangsaan kepada BH, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata statistik Kementerian Kesihatan mendapati dua kumpulan usia paling tinggi kes positif COVID-19, iaitu antara lingkungan 26 hingga 30 tahun dan 56 hingga 60 tahun.

Golongan muda dikatakan dijangkiti ketika keluar rumah dan bergaul dengan ramai orang sepanjang PKP manakala kumpulan berusia antara 56 hingga 60 tahun dipercayai disebabkan mereka ialah ketua keluarga, mungkin dijangkiti ketika keluar dari rumah membeli keperluan.



Dr Christopher Lee

Dr Christopher yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) turut menyangkal andaian hanya individu berusia berpotensi dijangkiti COVID-19.

"Mana-mana individu berpotensi dijangkiti COVID-19, bergantung kepada kemungkinan penularan virus ini.

Bagaimanapun, risiko jangkitan rendah, jika anda menjaga jarak sosial masing-masing.

"Ia (jangkitan) tiada kaitan dengan usia sebaliknya bergantung kepada aktiviti, tingkah laku dan amalan masing-masing. Bagaimanapun, golongan berusia berdepan penyakit atau komplikasi akut," katanya.

Ditanya kadar untuk sembuh bagi pesakit muda, beliau berkata, kumpulan berkenaan kebiasaannya boleh sembuh sepenuhnya kerana kebiasaannya mengalami gejala sederhana.

"Bagaimanapun, kita tak menolak kemungkinan boleh berlaku kematian dalam kalangan pesakit muda memandangkan sebelum ini kes direkod membabitkan individu berusia 27 tahun," katanya.

## Ibadat & Faidilat

Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kaya hati (jiwa)." (HR al-Bukhari & Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:08	1:25	4:28	7:29	8:39
Alor Setar	6:08	1:24	4:27	7:29	8:38
P. Pinang	6:07	1:22	4:23	7:26	8:35
Ipoh	6:07	1:23	4:23	7:26	8:35
Kuala Lumpur	6:05	1:20	4:23	7:23	8:32
Shah Alam	6:05	1:20	4:23	7:23	8:32
Johor Bahru	5:57	1:11	4:16	7:14	8:23
Kuantan	5:59	1:14	4:17	7:17	8:26
Seremban	6:03	1:18	4:22	7:21	8:30
Bandar Melaka	6:03	1:17	4:22	7:20	8:29
Kota Bharu	5:57	1:17	4:19	7:22	8:27
K. Terengganu	5:58	1:13	4:13	7:17	8:27
Kota Kinabalu	5:07	12:21	3:22	6:26	7:36
Kuching	5:32	12:46	3:51	6:49	7:58



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL



**Ahmad Dzaffir (tengah) memantau** sekatan jalan raya di Kampung Sungai Lui Batu 21, semalam. (Foto BERNAMA)

## KKM mula banci tiga kampung di Sungai Lui

**Hulu Langat:** Bancian penduduk di tiga kampung di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PPKD) di Sungai Lui, di sini, dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bermula semalam.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff, berkata proses bancian itu yang turut dibantu pihaknya dari segi keselamatan, dijangka mengambil masa tiga hari.

"Bagi hari ketiga pelaksanaan PKPD di kawasan ini, seramai lapan pegawai dan 53 anggota polis terbabit dalam penugasan.

"Dalam proses bancian, penduduk yang mempunyai simptom akan diarah melakukan saringan di Klinik Desa Sungai Lui," katanya ketika ditemui di hadapan Dewan Orang Ramai Sungai Lui, di sini, semalam.

Ahmad Dzaffir berkata, setakat ini, semua 3,900 penduduk di kawasan berkenaan mematuhi arahan PKPD.

"Kami mendapati tiada aktiviti berlaku dalam radius lima kilometer di kawasan ini. Semua penduduk akur dan mengikut arahan.

"Pihak polis juga ada melakukan rondaan berkala setiap jam dalam tempoh 24 jam di kawasan ini untuk memastikan arahan PK-

PD dipatuhi penduduk," katanya.

PKPD dilaksanakan di tujuh kampung di kawasan berkenaan, berkuat kuasa tengah malam 30 Mac lalu hingga 13 April ini.

Tujuh penempatan itu Kampung Batu 21, Kampung Batu 22, Kampung Batu 23, Kampung Batu 24, Kampung Gemi, Kampung Orang Asli Paya Lebar dan Kampung Orang Asli Sungai Gabai.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dalam kenyataan pada 29 Mac lalu, memaklumkan arahan itu membabitkan kawasan di Batu 21 hingga Batu 24, susulan nasihat KKM yang mengesahkan 71 kes positif COVID-19 membabitkan 274 penghuni Maahad Tahfiz An-Nabawiyah di Batu 23.

**Kami dapati tiada aktiviti berlaku dalam radius lima kilometer di kawasan ini. Semua penduduk akur dan mengikut arahan.**

**Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff,**  
Ketua Polis Daerah Kajang



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2A

RUANGAN : LOKAL

**Putrajaya:** Sebanyak 108 kes pulih dan dibenarkan pulang iaitu tertinggi direkodkan manakala dua kes kematian berkaitan Covid-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan dibenarkan keluar wad adalah sebanyak 645 kes atau 22.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sehingga jam 12 tengah hari, katanya, terdapat 142 kes baharu menjadikan jumlah kes positif Covid-19

## 108 sudah dibenarkan pulang

di Malaysia sebanyak 2,908 kes.

"Seramai 102 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 66 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Dukacita terdapat pertambahan dua lagi kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 45

kes atau 1.55 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Berikut penjelasan mengenai kes kematian dijelaskannya:

- Kes kematian ke-44 (kes ke-193), perempuan warganegara Malaysia berumur 80 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi serta penyakit jantung. Mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes

positif Covid-19 (kes ke-115). Dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 13 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac jam 4.30 pagi.

- Kes kematian ke-45 (kes ke-1,053), lelaki warganegara Malaysia berumur 62 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis serta darah tinggi. Dirawat di HKL pada 17 Mac dan meninggal dunia pada 31 Mac jam 10.46 malam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MENANGANI WABAK COVID

# Kes pulih tertinggi dicatat di Malaysia

108 kes pulih  
dibenarkan pulang,  
dua kematian  
akibat Covid-19  
semalam

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**



**DR NOOR HISHAM**

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan kes pulih tertinggi dengan 108 pesakit telah dibenarkan pulang semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu merupakan jumlah tertinggi yang dibenarkan pulang dalam masa sehari.

"Jumlah kumulatif pulih adalah 645 iaitu 22.2 peratus daripada jumlah kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, dua kematian kes coronavirus (Covid-19) dicatatkan

semalam melibatkan seorang wanita dan lelaki masing-masing berusia 80 dan 62 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Bagi kes kematian ke-44, warga emas tersebut mempunyai sejarah kontak rapat kepada kes ke-115 yang positif Covid-19.

"Dia dirawat di Hospital Kuala Lumpur dan disahkan meninggal dunia jam 4.30 pagi semalam (kelmarin)," katanya.

Menurutnya, bagi kes kematian ke-45, ia melibatkan pesakit yang juga mempunyai kontak rapat kepada pesakit positif iaitu kes ke-486.

"Dia dirawat di HKL pada 17 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 10.46 malam tadi (kelmarin)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 142 kes baharu dilaporkan.

"Ini menjadikan kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 2,908 kes," katanya.

Sehingga kini, sebanyak 102 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah itu, 66 (pesakit) memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

# Data mendatar tanda awal kejayaan


Hasil pelaksanaan fasa pertama PKP bendung penularan Covid-19

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**  
**TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**D**ata terkini kes positif coronavirus (Covid-19) yang semakin mendatar menunjukkan tanda awal kejayaan kerajaan membendung penularan wabak itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data tersebut hasil daripada pelaksanaan fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



Data terkini kes positif Covid-19 di Malaysia semakin mendatar menunjukkan tanda awal kejayaan kerajaan membendung penularan wabak itu.

yang berakhir kelmarin.

“Kalau kita lihat kajian Malaysia Institute of Economic Research mengunjurkan 399 kes baharu positif Covid-19 setiap hari dengan kumulatif 4,000 kes sehingga semalam (kelmarin),” kata-

nya.

Bagaimanapun, katanya, data sebenar menunjukkan unjuran mendatar dengan sekitar 140 kes baharu dan hanya kumulatif kes dijangkiti sebanyak 2,700 kes.

“Jadi nampak daripada

graf tersebut, ada tanda-tanda awal bahawa kita berjaya dalam melakukan pelaksanaan PKP,” katanya.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap dapat mempertingkatkan strategi dan aktiviti pada PKP fasa kedua terutamanya di kawasan panas yang telah dikenalpasti.

“Sekiranya ada kes mendadak di kawasan panas itu, kita laksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).”

“KKM akan saring semua orang di kawasan tersebut dan mengenalpasti, mengasingkan mereka yang positif untuk diberi rawatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya hasil pelaksanaan PKP fasa pertama yang bermula 18 Mac lalu.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

REPORTS BY: Nuradzimmah Daim, Audrey Dermawan, Veena Babutal, Adrian David, Dawn Chan, Kalbana Perimbayanayagam, Arfa Yunus, Hana Naz Harun, Nor Ain Mohamed Radhi, Teh Athira Yusof, Khairah N. Karim, Rahmat Khairulrijal, Meera Murugesan, Hanna Hussein, Loong Wai Ting, Nur Zarina Othman, T.N. Atagesh, Avila Geraldine, Olivia Miwil and Zahratulhayat Mat Arif

'GOOD SIGN'

# MOST NUMBER OF RECOVERIES IN A DAY

108 patients discharged yesterday, says the Health Ministry

PUTRAJAYA

**M**ALAYSIA recorded the highest number of Covid-19 patient recoveries in a day, with 108 people making a full recovery and discharged from hospitals yesterday.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said up to noon, 645 cases, or 22.2 per cent of 2,908 Covid-19 cases, had made a full recovery.

There are 2,218 active cases nationwide, as the country entered the second phase of the Movement Control Order (MCO).

"Yes, today we recorded the highest number of recoveries involving those discharged. It takes some time, perhaps, two weeks, before they can be discharged.

"Before they can be discharged, we need to take two samples in more than 24 hours to ensure that they are free from the virus.

"This is a good sign, as it shows that our recovery rate has improved."

Dr Noor Hisham reiterated calls for Malaysians to ensure the success of the MCO by breaking the virus' chain of transmission.

The death toll from the virus rose to 45 cases, following two fatalities reported to the ministry's National Crisis Preparedness and Response Centre yesterday.

Both victims had underlying health conditions such as diabetes, high-blood pressure and heart complications.

One of the victims, a woman, 80, was admitted to Kuala Lumpur Hospital on March 13

and died about 4am on Tuesday.

The other victim, a 62-year-old man, died at the same hospital at 10.46pm on the same day.

Up to noon yesterday, Dr Noor Hisham said 142 new cases were reported to the ministry.

"A total of 102 patients are being treated at the intensive care unit (ICU) of which 66 require breathing assistance."

He said the ministry received 2,359 healthcare volunteers in different medical fields and urged more to help frontliners.

"The ministry appreciates the service of healthcare volunteers in curbing the spread of the Covid-19 virus.

"We are in talks with a central agency to finalise the contract terms for healthcare providers who wish to volunteer with the ministry to combat the Covid-19 outbreak."

He said the ministry had conducted 43,462 tests.

He said more tests could be taken as more clinical test facilities were now available, including those in universities, raising the number of testing labs to 48, with up to 11,500 tests that could be done daily.

He said the ministry would conduct further tests on rapid test kits from South Korea, called antigen testing, to determine their accuracy, before they could be used.

He said the next two weeks were crucial to determine whether the measures carried out by the government had curbed the spread of Covid-19.

He said his comments were based on a seven-day forecast study by the Malaysian Institute of Economic Research, which had analysed measures taken by the ministry and other agencies against the Covid-19 outbreak.

He said it had obtained 956 ventilators.

He said there were 334 quarantine centres housing more



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah with a chart showing the number of Covid-19 cases in the country, in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FAOLI HAMZAH

than 4,000 asymptomatic patients, comprising those with direct contact with Covid-19 patients.

He said the ministry would use medicine with scientific evidence to treat patients.

"The ministry applies evidence-based medicine, irrespective of their types. Whether they are Chinese medicine or others, we need to look at the evidence.

"If there is substantial evidence to support it, then we will use the medicine, unless they are off-label medicine (medicine used in the manner as specified on the label).

"Many of the medicines that we use today, including anti-viral drugs for treating HIV patients, are off-label."

He urged the public to eat healthy by having three servings of vegetables daily with two servings of fruits, as well as drinking eight glasses of water, or up to two litres, every day.

He stressed the importance of practising good hygiene such as washing hands with soap and social distancing of at least one metre from one another.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

# 'Mitigating measures working'

## DG: But people must continue to keep distance and obey MCO

By JOSEPH KAOS Jr  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** After two weeks of implementing the movement control order (MCO), there are early signs that the government's efforts are working, says Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said the actual number of Covid-19 cases showed a lower trajectory than what was forecast by the Malaysian Institute of Economic Research (MIER).

"When you compare MIER's projected trajectory with the actual

number of cases, it is much lower.

"These are early signs that the mitigating measures are working," he told a press conference yesterday.

But Dr Noor Hisham said the people must continue to maintain social distancing and to obey the stay-at-home order.

"The next two weeks are crucial. It will show if the MCO has produced the intended impact," he said.

According to MIER's projection, Malaysia will see 4,087 new Covid-19 cases by March 31, an increase of between 200 and 399 new cases

per day.

However, only 2,766 cases were recorded as of March 31.

On average, the number of new cases daily was about 100 to 150 since March 23, except on March 26 which saw a spike of 235 cases.

The enhanced MCO is scheduled to end on April 14, barring any further extension by the government.

On a positive note, Dr Noor Hisham said 108 Covid-19 patients have been discharged, which was the highest so far since the start of the virus outbreak.

"The number of patients who have recovered are 645, which is

22.2% of the total number of cases. This is a sign that Malaysia's recovery rate is continuously improving," he said.

Dr Noor Hisham said there were 142 new cases yesterday, bringing the overall tally to 2,908 cases.

"A total of 102 patients are receiving treatment in the intensive care unit, with 66 of them requiring ventilators," he said.

There were two more fatalities – an 80-year-old local woman and a 62-year-old local man – bringing the country's death toll to 45.

Both of them had a history of diabetes and high blood pressure.